

Kompetensi Guru Muslim berdasarkan Surah ar-Rahman Ayat 1 hingga 4 (Competence of Muslim Teachers based on Surah ar-Rahman Verses 1 to 4)

Norzi Binti Mohd Yusoff

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Khadijah Abdul Razak

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Adnan Bin Derahman

Politeknik Merlimau

Article Progress

Received: 10 February 2022

Revised: 24 February 2022

Accepted: 10 March 2022

Abstrak

Guru memainkan peranan penting dalam membentuk satu organisasi sekolah yang teratur dan berkesan bagi melahirkan insan yang berkualiti serta mampu membawa perubahan pada negara pada masa akan datang. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu dimiliki oleh para guru bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Artikel ini bertujuan untuk membincangkan kompetensi guru Muslim berdasarkan surah ar-Rahman ayat 1 hingga 4. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif dengan menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap beberapa kitab tafsir iaitu Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Tafsir al-Azhar, Tafsir al-Munir dan Tafsir al-Qur'an di Radio. Dapatkan menunjukkan bahawa terdapat empat kompetensi guru yang terdapat dalam surah ar-Rahman ayat 1 hingga 4 iaitu kompetensi dari aspek peribadi, profesional, pedagogi dan sosial. Penghayatan terhadap kompetensi yang dinyatakan dalam surah ini mampu membentuk karakter guru Muslim yang berketerampilan dalam segala aspek seterusnya akan melahirkan generasi guru berperibadi mulia sekaligus mampu menghadapi segala cabaran dan transformasi pendidikan yang semakin mencabar.

Kata kunci: Kompetensi, Surah ar-Rahman, Guru Muslim.

Abstract

Teachers play an important role in forming an organized and effective school organization to produce quality human beings who are able to bring change to the country in the future. Competence refers to the knowledge, skills, and personal characteristics or personality traits that teachers need to possess to perform a task or responsibility. This article aims to discuss the competence of Muslim teachers based on surah ar Rahman verses 1 to 4. The methodology of this study is qualitative by using the method of content analysis of several books of tafsir, namely Tafsir Pimpinan ar-Rahman, Tafsir al-Azhar, Tafsir al-Munir and Tafsir al-Quran of Radio. The findings show that there are four competencies of teachers found in surah ar-Rahman verses 1 to 4, namely competencies from personal, professional, pedagogical and social aspects. The appreciation of the competencies stated in this surah is able to shape the character of Muslim teachers who are skilled in all aspects and will give birth to a generation of teachers with noble personalities as well as able to face all the challenges and transformation of increasingly challenging education.

Keywords: Competency, Surah ar-Rahman, Muslim Teachers

1. PENGENALAN

Al-Quran ialah kalamullah yang mengandungi mukjizat, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Jibril a.s., ditulis dalam mashaf, dipindahkan kepada kita secara *mutawatir* dan menjadi ibadat dengan membacanya. Muhammad Abdurrahman (1849 – 11 July 1905) mendefinisikannya dengan: “Kalam mulia yang diturunkan oleh Allah kepada nabi yang paling sempurna (Muhammad SAW), ajarannya mencakupi keseluruhan ilmu pengetahuan. Al-Qur'an merupakan sumber yang mulia, isi kandungannya tidak dapat difahami kecuali bagi mereka yang mempunyai hati yang bersih dan bijak” (Daud 2013). Al-Qur'an sebagai suatu risalah yang lengkap, mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Allah SWT menegaskan dalam firman-Nya (al An'am 6:38):

مَا فَرَّطْنَا فِي الْكِتَابِ مِنْ شَيْءٍ

Maksudnya: “...Tidak kami luputkan dalam Al-Quran sesuatu apa pun....”

Daripada ayat tersebut, dapat difahami dala al-Qur'an terdapat pelbagai perbahasan berkaitan kehidupan manusia yang mencakupi bidang sosial, budaya, politik, ekonomi, peradaban dan yang paling penting adalah pendidikan. Penekanan kepada pendidikan jelas apabila ayat pertama yang diturunkan adalah suruhan supaya membaca (*iqra'*) iaitu simbolik kepada galakan mempelopori ilmu secara lebih kritis. Di samping itu, di dalam al-Qur'an terdapat juga banyak kisah mengenai para nabi yang mendidik umat mereka, ayah mendidik anak-anak mereka seperti Ibrahim yang mendidik anaknya Ismail, Ibrahim mendidik anaknya Ishaq, Ishaq mendidik anaknya Ya'kub, Nabi Ya'kub yang mendidik dua belas anaknya termasuk Nabi Yusuf. Dijelaskan juga berkaitan pendidikan yang diberikan oleh Maryam kepada anaknya Isa dan Hajar yang mendidik Ismail.

Pendidikan merupakan tunjang kepada kemajuan untuk membentuk sebuah negara yang bertamadun. Terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut berkaitan pendidikan. Antara ayat-ayat yang terkandung unsur-unsur pendidikan ialah daripada Surah ar-Rahman ayat satu hingga empat.

2. KONSEP KOMPETENSI GURU

Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau *personality traits* yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kompetensi berasal daripada istilah bahasa Inggeris iaitu competence yang bermaksud kelayakan, kemampuan, kesanggupan, dan kecekapan untuk melakukan sesuatu tugas. Manakala kompeten bermaksud layak, cekap, dapat menjalankan kerja dengan sempurna (Dewan Bahasa dan Pustaka 2016).

Kompetensi adalah pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan oleh seseorang bagi membolehkannya menjalankan tugas dengan baik dan berkesan. Tenaga kerja dan sumber manusia perlu dilatih dan ditingkatkan pengetahuan serta kemahiran mereka supaya mereka dapat menyumbang kearah tahap kerja yang bertaraf dunia serta mampu untuk bersaing dalam dunia global (Khuzaimeh et al. 2019).

Kompetensi guru ditakrifkan sebagai kemampuan guru untuk menyalurkan pengetahuan dan keterampilannya dalam melaksanakan kewajiban pembelajaran secara profesional dan bertanggungjawab. Kompetensi guru juga ditakrifkan sebagai kemampuan seorang guru dalam melaksanakan kewajiban-kewajiban dengan rasa bertanggung jawab dan berkelayakan (M. Ma'ruf 2017).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), kompetensi bermakna “*competence, proficiency, skillful and skill*”. Kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Prinsip asas model kompetensi adalah bahawa prestasi seseorang pegawai perkhidmatan awam akan meningkat sekiranya beliau mempunyai semua kompetensi yang diperlukan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab jawatan yang disandangnya. Sebagai contoh, pengkhususan dalam sesuatu bidang dan kekerapan melaksanakan sesuatu tugas yang akan membolehkan pegawai melaksanakan tugasnya dengan berkesan dan cemerlang (KPM 2019).

Dari beberapa huraian di atas, kesimpulan definisi kompetensi adalah suatu kemampuan, kecekapan serta kesanggupan yang harus dimiliki oleh seseorang dalam menyandang profesionnya sebagai guru yang mencakupi pengetahuan dan perilaku dalam melaksanakan tanggungjawab atau tugasnya sebagai guru secara optimum (Muhammad Irwansyah Melda Diana Nsution Afrida 2019).

3. LATAR BELAKANG SURAH AR-RAHMAN

Surah ar-Rahman merupakan surah yang ke 55 mengikut susunan dalam al-Qur'an. Ianya termasuk dalam juzuk yang ke 27 dan mempunyai 78 ayat. Surah ini diturunkan di Mekah dan merupakan surah *al-Makiah*. Antara ciri istimewa surah ini, ianya mempunyai ayat-ayat yang pendek dan terserlah apabila terdapat satu ayat yang diulang-ulang sebanyak 31 kali. Ayat tersebut ialah (al Rahman: 55 :13):

فِيأَيِّ الَّأَيَّ رَبِّكُمَا تُكَذِّبَانِ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Maka nikmat Tuhan kamu yang manakah yang kamu dustakan?”

Wahbah Zuhaily (1998) menjelaskan dalam kitabnya, bahawa surah ini sangat tinggi kesan dan kedudukannya dan ditambah dengan kelembutannya serta berkaitan dengan asas-asas *i'tiqad* iaitu tauhid dan dalil-dalil kekuasaan Allah, kenabian, wahyu dan hari kiamat. Ia turut merangkumi dalil tentang syurga dan neraka, nikmat dan bala serta keadaan siksaan yang pedih.

3.1 Nama surah

Surah ini dinamakan dengan surah ar-Rahman kerana pembuka surah ini dimulai dengan kalimah ar-Rahman. Ahmad Sonhadji (2017) menyatakan ar-Rahman ertinya “Maha Pengasih”. Sebahagian ulama *mufassirin* mengatakan bahawa ada nama lain bagi Surah ar Rahman berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Al Sayuti dari ‘Ali *karramallahu wajhah* mengatakan bahawa surah ini dinamakan sebagai pengantin al-Qur'an sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

لِكُلِّ شَيْءٍ عَرْوَسٌ، وَعَرْوَسُ الْقُرْآنِ : سُورَةُ الرَّحْمَنِ .

Maksudnya: “Setiap sesuatu ada mempunyai pengantin, pengantin bagi al Quran adalah surah ar-Rahman”. (Kitab Jami' Soghir: 7301)

Perumpamaan ini dipandang daripada segi susunan ayatnya berbanding dengan surah-surah lain yang terserlah keindahannya bagaikan pengantin (Sonhadji 2017).

3.2 Asbab nuzul

3.2.1 Ayat 1 dan 2

Ayat ini diturunkan apabila orang kafir yang memperlekehkan suruhan supaya sujud kepada ar-Rahman (Allah SWT) dalam surah (al Furqon: 25: 60):

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اسْجُدُوا لِلرَّحْمَنِ قَالُوا وَمَا الرَّحْمَنُ أَنْسَجُدُ لِمَا تَأْمُرُنَا وَزَادَهُمْ نُفُورًا ﴿٦٠﴾

Maksudnya: "Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Sujudlah kamu sekalian kepada yang ar-Rahman (Maha Penyayang)", mereka menjawab: "Siapakah yang Maha Penyayang itu? Apakah kami akan sujud kepada Tuhan Yang kamu perintahkan kami (bersujud kepada-Nya)?", dan (perintah sujud itu) menambah mereka jauh (dari iman)."

Jadi, ayat satu dan dua diturunkan sebagai bantahan bagi kaum kafir yang mengatakan mereka tidak mengenal seseorang yang bernama Rahman kecuali Rahman dari Yamamah. Maka ayat ini menegaskan bahwa ar-Rahman bukanlah bermaksud orang tetapi Allah yang Maha Rahman yang telah mengajarkan al-Qur'an dan telah menciptakan manusia.

3.2.2 Ayat 3 dan 4

Ayat ini diturunkan sebagai bantahan kepada penduduk Mekah yang mendakwa bahawa manusia yang mengajar al-Qur'an berdasarkan firman Allah Taala dalam ayat ini (al-Nahl 16:103):

إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ وَبَشَّرَ

Maksudnya: "Sesungguhnya al-Qur'an itu diajarkan oleh seorang manusia kepadanya (Muhammad)"

Lalu diturunkan ayat tiga dan empat untuk menyangkal dakwaan tersebut. Hakikatnya, Allah SWT merupakan Pengajar yang mengajar al-Qur'an kepada Rasulullah SAW seterusnya diajar kepada umat baginda dan ianya berterusan sehingga ke akhir zaman.

3.3 Munasabah atau kaitan dengan surah sebelumnya.

Berdasarkan kitab Tafsir Al Munir karangan Wahbah Zuhaily (1998), hubungan surah ini dengan surah yang sebelum iaitu surah al-Qamar dijelaskan dengan beberapa bentuk:

Pertama, surah ini menjelaskan dan memperincikan surah-surah lain sebelumnya. Surah al-Qamar menerangkan secara ringkas berkaitan sifat-sifat wanita yang disiksa, keadaan neraka serta azab terhadap orang yang disiksa, balasan pahala bagi orang yang bertakwa, keadaan syurga dan ahlinya. Dalam surah ar-Rahman, dijelaskan secara terperinci tentang kisah yang disebut dalam surah sebelumnya (al-Qamar) berkaitan sifat-sifat hari kiamat, neraka dan syurga.

Kedua, Allah Taala menyebut dalam surah yang lepas jenis-jenis siksaan yang berlaku kepada umat-umat terdahulu iaitu kaum Nabi Nuh, kaum Nabi Hud, kaum Nabi Soleh, kaum Nabi Lut serta golongan Fir'aun. Disebut juga kurnian nikmat agama dan nikmat dunia dalam diri dan persekitaran ke atas seluruh manusia. Pembuka kepada surah yang sebelumnya iaitu surah al-Qamar menunjukkan kepada kemuliaan, kekuasaan serta kekuatan Allah dalam peristiwa terbelahnya bulan manakala surah ar-Rahman mempamerkan kasih sayang Allah dengan menjelaskan secara terperinci nikmat-nikmat Allah iaitu diajarkan al-Qur'an, kejadian manusia dan kebolehan manusia untuk berkata-kata.

Ketiga, surah al-Qamar diakhiri dengan menerangkan dua sifat Allah Azza wa Jalla yang kedua-duanya menunjukkan ke atas ketinggian dan kebesaran Allah iaitu *al Maliku* dan *al Muktadir* sebagaiman Firman Allah (al-Qamar: 54: 55):

فِي مَقْعَدٍ صِدْقٍ عِنْدَ مَلِيلِيَّكِ مُقْتَدِيرٍ

Maksudnya: “*Di tempat yang disenangi di sisi Tuhan Yang Berkuasa.*”

Manakala surah ar-Rahman dimulakan dengan menyebut sifat Allah *ar-Rahman* dan menzahirkan tentang rahmah, kelebihan dan nikmat ke atas manusia dan pada kejadian alam keseluruhannya di langit dan di bumi. Allah yang Maha Suci berkuasa ke atas orang-orang yang kufur dan pendosa serta memberi kasih sayang sebagai nikmat kepada hamba-hamba-Nya yang membuat kebaikan.

4. TAFSIR DAN HURAIAN AYAT

الرَّحْمَنُ ۝ ۱ عَلَّمَ الْقُرْءَانَ ۝ ۲ خَلَقَ الْإِنْسَانَ ۝ ۳ عَلَّمَهُ الْبَيَانَ ۝ ۴

Maksudnya: “(*Tuhan*) Yang Maha Pemurah, yang telah mengajarkan *al-Quran*. Dia menciptakan manusia. Mengajarnya pandai berbicara.” (ar-Rahman 55: 1-4)

Secara keseluruhannya, ayat satu hingga empat menyebut tentang nikmat-nikmat yang dianugerahkan oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya, maka Allah dahului dengan menyebut nikmat-nikmat yang diberikan kepada seluruh makhluk. Antara nikmat terbesar, malah paling sempurna faedahnya iaitu nikmat diajarkan *al Quran*. Dengan mempelajari *al Quran*, maka manusia akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Setelah menyebutkan nikmat diajarkan *al Quran*, Allah menyebutkan pula nikmat penciptaan manusia sehingga mampu mengajar kepada orang lain melalui ungkapan kata-kata yang diterjemahkan dari lintasan hati dan akal fikiran. Maka dengan nikmat inilah Nabi Muhammad dapat mengajar *al Quran* kepada umatnya.

3.1 Tafsir dan huraiyan Ayat 1:

الرَّحْمَنُ ۝ ۱

Maksudnya: “(*Tuhan*) Yang Maha Pemurah.” (ar-Rahman 55: 1)

Ar-Rahman merupakan salah satu dari 99 nama Allah (asmaul husna). Sifat ar-Rahman Allah meliputi semua makhluk sama ada di bumi atau dilangit tanpa mengira tahap ketaatan hamba-Nya. Dari ar-Rahman lahirnya rahmat (Sholikhhatul Arifah 2016). Wahbah Zuhaily (1998) dalam kitabnya Tafsir Al Munir menjelaskan bahawa ar-Rahman dari sudut bahasa bermaksud Yang Maha Pemurah dan Yang memberi rahmat. Ar-Rahman juga memberi maksud kasih, sayang, cinta atau pemurah. Kasih sayang Allah meliputi keseluruhan makhluk yang wujud di dunia ini. Perkataan ar-Rahman merujuk kepada Allah Taala yang memberi nikmat kepada keseluruhan makhluk sama ada didunia dan akhirat. Ianya adalah salah satu dari 99 nama Allah yang mulia (Asmaul Husna).

Hamka (2019) berpandangan, pengertian ar-Rahman amat luas, kalimat yang berasal dari rahmat yang bermaksud kasih, sayang, cinta, pemurah. Didalam ayat-ayat *al-Qur'an* terdapat banyak ayat-ayat yang menyebut rahmat Allah iaitu tidak kurang daripada 60 kali dan ar-Rahim hampir 100 kali. Hampir setiap halaman terdapat kalimah rahman, rahim, rahmat, rahmati, rahimi, ruhamaak, arhaman, al-arhaam, yang membawa maksud kasih, sayang, pemurah, kesetiaan dan lain-lain.


Maksudnya, dalam sifat-sifat Allah yang lain, sifat Afuwun (pemaaf), sifat Ghoffur (pengampun) dan lain-lain, di dalamnya akan lahir kasih sayang dan pemurah Allah Taala.

Menurut Sonhadji (2017), ayat ini merupakan jawapan kepada penduduk Mekah yang mendakwa: “ar-Rahman dalam ayat 60 surah al-Furqan adalah Rahman yang berada di Yamamah”. Dakwaan itu ditolak dengan jawapan, Allah itulah Tuhan yang bersifat ar-Rahman, Allah Yang Maha Pengasih dengan memberi berbagai nikmat yang besar kepada hamba-hamba-Nya. Dialah yang mengajarkan kitab suci Muhammad SAW dan kepada siapa yang dikehendaki-Nya dengan memudahkan untuk membaca, memahami dan menghafaznya kemudiannya mengajarkan pula kepada umatnya.

Para ulama bersepakat memberi pengertian ar-Rahman sebagai zat yang mempunyai sifat rahmat (kasih sayang), Allah yang mencipta makhluk, memberi rezeki dan segala keperluan makhluk (Abdul Razak Naufal 1982). Di dalam al-Qur'an, perkataan yang menunjukkan maksud rahmat telah diulang-ulang sehingga 325 kali. Ar-Rahman disebut sebanyak 57 kali dan ar-Rahim disebut sebanyak 114 kali. Bilangan ini tidak termasuk dalam basmallah pada setiap awal surah.

Wati (2016) merumuskan dalam kajiannya bahawa ayat pertama dari surah ar-Rahman menjelaskan Allah memberi nikmat yang tidak terhitung dan mesti disyukuri. Antaranya ialah nikmat kesihatan, nikmat penglihatan dan nikmat pendengaran. Manusia perlu meniru sifat Allah ar-Rahman.

3.2 Tafsir dan huraiyan Ayat 2.



Maksudnya: “Yang telah mengajarkan al Qur'an.” (ar-Rahman 55: 2)

(Yang telah mengajarkan al-Qur'an). Dalam perkataan (عَلَمَ الْقُرْءَانَ) (telah mengajarkan) di sini bermaksud telah mengajarkan kepada siapa yang dikehendakkinya, ianya memerlukan kepada objek. Para ulama bersepakat mengatakan objeknya adalah (الإِنْسَان) iaitu manusia yang disebut dalam ayat yang ketiga (Sholikhatul Arifah 2016). Sebilangan ulama tafsir mengatakan bahawa Allah Taala bukan hanya mengajarkan al-Quran kepada manusia, malah meliputi jin dan malaikat Jibrail a.s. Mereka membawa hujah bahawa, Jibrail a.s tidak akan dapat mengajar al-Qur'an kepada Rasulullah SAW melainkan Jibrail sendiri yang menerima pengajaran al-Qur'an dari Allah SWT terlebih dahulu. Allah Taala menyebut nikmat diajarkan al-Quran sebelum menyebut nikmat-nikmat yang lain untuk menunjukkan bahawa al-Quran adalah asas agama, sumber kepada syariat, sebesar-besarnya wahyu dan semulia-mulia kitab sebagai hujah dan bukti kepada kebenaran (Wahbah Zuhaily 1998). Ahmad Sonhadji (2017) memetik kata al Khazin, maejelaskan bahawa banyak nikmat yang dikurniakan kepada hamba-Nya. Nikmat yang paling agung ialah al-Quran yang merupakan wahyu teragung, diturunkan kepada nabi-Nya, kedudukannya yang tinggi disamping para wali dan mengandungi peringatan yang berkesan.

Jelaslah bahawa pengajaran al-Qur'an daripada Rasulullah SAW kepada para sahabat sehingga sampai kepada umat baginda hingga kini menjamin kebahagiaan di dunia dan di akhirat (Wahbah Zuhaily 1998; Sonhadji 2017).

3.3 Tafsir dan huraiyan Ayat 3

﴿٣﴾ حَلَقَ الْإِنْسَانَ

Maksudnya: “Dia menciptakan manusia.” (ar-Rahman 55: 3)

Dalam Tafsir Al Munir, maksud *al-insan* meliputi semua manusia sejak Nabi Adam a.s hingga ke akhir zaman. Penciptaan manusia merupakan salah satu tanda rahmat Allah di muka bumi. Dijadikan manusia untuk beragama serta mengambil manfaat dari wahyu dan kitab Allah (Wahbah Zuhaily 1998).

Hamka (2019) menjelaskan penciptaan manusia adalah satu rahmat kepada alam. Manusia merupakan makhluk yang paling mulia. Dikurniakan akal dan fikiran sehingga dapat menyesuaikan diri dengan alam. Disebabkan keistimewaan akal yang dimiliki oleh manusia, maka Allah Taala memberi tanggungjawab untuk beribadah kepadaNya. Sebagaimana firman Allah SWT (az-Azaariyat 51:56):

﴿٥﴾ وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: “Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku.”

Ayat ini menjelaskan tujuan penciptaan manusia dan jin adalah untuk beribadat dan mengabdikan diri kepada Allah Taala. Hamka (2019) menjelaskan bahawa Allah mencipta manusia dengan memberikan kekuatan zahir, batin dan tabiat yang dapat disalurkan untuk beribadat kepada Allah.

Ahmad Sonhadji (2017) pula menyatakan bahawa Allah menciptakan bangsa manusia dengan mengajarnya bagaimana hendak menta’bir (menggambarkan) lintasan hati dan bayangan perasaan sehingga pandai berbicara. Jika manusia tidak mampu untuk berbuat demikian, maka Nabi Muhammad SAW tidak mungkin mengajarkan al-Qur'an kerana fitrah manusia mestilah hidup bermasyarakat dan memerlukan kepada pertuturan bahasa untuk bersosial. Manusia juga diciptakan dengan sebaik-baik kejadian sebagaimana firman Allah dalam ayat surah (al Tin: 95: 4):

﴿٤﴾ لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ فِي أَحْسَنِ شُكُورٍ

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya.”

Menurut Rof'i'ah et al. (2016), ayat ini menjelaskan bahawa manusia dicipta dengan berbagai potensi. Dengan potensi yang dikurniakan, mereka dapat menjalankan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

3.4 Tafsir dan huraiyan Ayat 4.

﴿١﴾ عَلَمَهُ الْبَيَانَ

Maksudnya: “Dialah yang telah membolehkan manusia (bertutur) memberi dan menerima kenyataan.” (ar-Rahman 55: 3)

Al-Bayan dari sudut bahasa bermaksud nyata, terang dan jelas. Para pentafsir mengatakan al-bayan dalam ayat keempat surah ar-Rahman ialah kemampuan manusia untuk mengutarakan isi hati dan memberi kefahaman kepada orang lain. Menurut Munawwir (1984), al-bayan bermaksud jelas dan terang (Sholikhatul Arifah 2016).

Dalam Tafsir Al Munir, al bayan bermaksud manusia diajar bercakap dan menterjemahkan melalui kata-kata untuk bertutur dengan orang lain, memberi kefahaman kepada anak-anak dan masyarakat, maka lahirlah tolong menolong, sifat lemah lembut dan kemanusiaan. Bayan adalah percakapan, pertuturan dan kefahaman. Ianya adalah kelebihan yang paling besar bagi manusia berbanding haiwan (Wahbah Zuhaily 1998).

Dalam Tafsir al Azhar, al-bayan bermaksud menerangkan, menjelaskan apa yang terlintas di hati atau terlintas difikiran, maka terhasillah bahasa. Bahasa sangat penting dalam usaha perkembangan ilmu. Satu kerugian bagi yang bijak berbahasa tetapi tidak berbicara dan menggunakan untuk membuat penulisan dalam bidang ilmu (Hamka 2019).

Menurut Ahmad Sonhadji (2017), al-bayan bermaksud diajar pandai berbicara supaya berbeza dengan makhluk lain. Dengan erti kata lain, manusia diajar memahami dan memberi kefahaman kepada orang lain sehingga dapat memahami apa yang diucapkan. Al-insan dalam ayat 3 ialah Nabi Muhammad SAW manakala al-bayan adalah diajarkan pandai berbicara supaya dapat menyampaikan khabar berkaitan orang-orang terdahulu, berkaitan hukum dan perkara yang halal dan haram serta hukuman had (hudud).

Ada pandangan ulama yang mengatakan bahawa al-bayan tidak terbatas kepada ungkapan kata-kata sahaja, malah merangkumi ekspresi wajah, potensi berfikir sehingga mampu mengaplikasikan apa yang ada dalam fikiran dan dapat mengajar kepada orang lain. Kalam manusia melahirkan bahasa. Bahasa merupakan alat perhubungan yang sangat penting untuk manusia berkomunikasi dan memahamkan apa yang ingin disampaikan. Maka terbentuklah kehidupan sosial yang saling memerlukan antara satu sama lain. Dengan bahasa juga, warisan ilmu dapat dikekalkan sehingga ke hari ini (Rofi'ah et al. 2016).

Nikmat berbicara yang menghasilkan bahasa, seterusnya terhasil hubungan antara manusia seterusnya membentuk masyarakat adalah nikmat kehidupan yang dikurniakan oleh Allah SWT (Ahmad Sonhadji 2017). Maka al-bayan dapat dirumuskan sebagai salah satu nikmat terbesar yang disebut dalam surah ar-Rahman selepas diajarkan al-Qur'an dan diciptakan manusia. Nikmat dapat mengungkap kata-kata dari lintasan hati dan fikiran membawaikan idea dan buah fikiran yang bernas seterusnya dapat memberi kefahaman pula kepada manusia lain. Inilah rantaian penyebaran ilmu yang tidak akan putus hingga akhir zaman.

5. KOMPETENSI GURU MUSLIM

Al-Quran merupakan kitab panduan yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW. Ianya merangkumi hukum hakam, akidah, ibadah, akhlak dan tentang kehidupan seharian termasuklah pendidikan. Surah ar-Rahman ayat 1 hingga 4 menjelaskan tentang beberapa konsep pendidik yang sesuai dengan ajaran Islam (Tri Wati 2016). Dalam konteks ini, ayat 1 hingga 4 surah ar-Rahman merujuk kepada kompetensi pendidik. Komponen kompetensi pendidik termasuklah perkara yang berkaitan personal, pedagogi, profesional dan sosial.

Surah ar-Rahman ayat 1 hingga 4 secara langsungnya membicarakan berkaitan kompetensi pendidik dan ianya merangkumi empat kompetensi iaitu kompetensi peribadi, profesional, pedagogi dan sosial. Di Malaysia, Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan elemen standard kompetensi untuk para guru agar proses penilaian dan penambahbaikan perkhidmatan perguruan akan menjadi lebih sistematik. Kompetensi merujuk kepada pengetahuan, kemahiran, dan ciri-ciri peribadi atau personality traits yang perlu bagi melaksanakan sesuatu tugas atau tanggungjawab (Habibah @ Artini Ramlie et. al (2016).

5.1 Ayat 1: Kompetensi personal

Pendidik dalam perspektif Islam, perlu mempunyai beberapa kompetensi dan antara kompetensi yang perlu diterapkan ialah peribadi pendidik bersifat ar-Rahman. Sifat kasih sayang yang dicerminkan oleh pendidik merupakan kompetensi personal keagamaan. Elemen pendidikan yang sangat jelas dalam ayat 1 Surah ar-Rahman ialah berkaitan dengan kompetensi peribadi dan perlakuan (personal attributes and behaviours). Pendidik yang hakiki berdasarkan ayat ini adalah merujuk kepada Allah Taala yang mengajar Nabi Muhammad SAW tentang ilmu ar-Quran. Sebahagian mufassirin, menafsirkan istilah pendidik dalam ayat ini bukan hanya merujuk kepada Allah SWT, tetapi termasuklah juga Rasulullah SAW yang menjadi guru terbaik kepada umat manusia dan para pendidik atau guru yang bertanggungjawab menyebarkan ilmu kepada seluruh umat manusia sehingga akhir zaman.

Dalam mentafsirkan ayat 1 surah ar-Rahman berdasarkan bidang pendidikan, berbagai-bagai tafsiran dikemukakan. Abd. Shukor (2018) menyatakan dalam kitab Tafsir Ibnu Kathir dijelaskan bahawa Allah adalah subjek pendidikan utama sebagai Pencipta yang mengutuskan nabi dan menurunkan al Quran. Ayat ini juga menjelaskan tentang bagaimana Allah Yang Maha Pengasih mengajar al Quran kepada Nabi Muhammad untuk dijadikan landasan dalam mengharungi kehidupan (Abd. Shukor Abu Bakar 2018; Mufrida Zahra et al. 2020). Manakala menurut Nurus (2013), ianya mencerminkan keperibadian (personality) yang harus dimiliki oleh seorang pendidik iaitu sifat kasih, sayang, lembut dan halus dalam proses pembelajaran terhadap anak didiknya. Secara keseluruhannya, surah ar-Rahman ayat 1 menjelaskan berkaitan karakter dan kompetensi peribadi seorang pendidik.

Merujuk kepada kalimah ‘ar-Rahman’, ianya merujuk kepada seorang pendidik yang perlu mempersiapkan diri dengan sifat Rahman, iaitu mempunyai sifat kasih sayang kepada seluruh anak didik atau murid tanpa memilih atau mengira latarbelakang muridnya. Ilmu yang disampaikan dengan kasih sayang akan meninggalkan kesan yang mendalam. Pada pandangan Sholikhatal Arifah (2016), pendidik perlu bersikap adil dan menganggap muridnya seperti anak sendiri. Peranan pendidik yang bertanggungjawab untuk mengembangkan potensi murid mestilah dilaksanakan atas dasar kasih sayang. Mufrida Zahra et. al (2020) menjelaskan, seorang pendidik adalah subjek dalam proses pendidikan. Proses pendidikan tidak akan berjalan secara efisien tanpa adanya pendidik. Pendidik dalam Islam ialah orang yang bertanggungjawab terhadap perkembangan anak didiknya. Ciri-ciri peribadi adalah penting untuk berhadapan dengan pelajar yang mempunyai hati dan perasaan berbeza dengan profesion yang berhadapan dengan produk yang berbentuk material.

Allah sebagai pendidik utama ilmu pengetahuan, sebagai Pencipta dan mengutus rasul serta menurunkan al-Qur'an. Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang paling sempurna diberikan olehnya sesuatu yang tidak diberikan kepada makhluk ciptaan lain iaitu akal. Melalui akal yang dipimpin oleh wahyu, manusia diangkat darjatnya sehingga dapat mengerti pendidikan (Abd. Shukor Abu Bakar 2018). Ciri-ciri inilah seharusnya menjadi panduan tingkah laku dan cara mereka berurusan dengan orang lain. Nabi SAW juga mengingatkan agar pendidik menunjukkan sikap lemah lembut kepada murid. Ini dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW (al Bukhari 78: 6099) :

عَلَيْكِ بِالرِّءُوفِ ، وَإِيَّاكِ وَالْغُنْفَ وَالْفُحْشَ

Maksudnya: Hendaknya kamu bersikap lemah lembut, kasih sayang, dan hindarilah sikap keras serta keji

Sifat kasih sayang merupakan salah satu kompetensi personal yang perlu dimiliki oleh seorang pendidik. Dalam dunia pendidikan, kompetensi personal merupakan pelengkap kepada kompetensi pengetahuan dan kemahiran. Saedah & Mohammed Sani (2012) menjelaskan Model

Kompentensi “Iceberg” McBer meletakkan ciri-ciri peribadi terletak di bawah aras air kerana ia sukar dinilai dan dikenal pasti, tetapi ianya merupakan faktor yang penting dalam mewujudkan pendidik yang cemerlang.

Secara keseluruhannya, pendidik yang terbaik adalah pendidik yang mempunyai ciri-ciri personaliti yang kaya dengan sifat kasih sayang sesuai dengan fitrah semulajadi pelajar. Isi pelajaran yang disampaikan melalui pendekatan kasih sayang akan memberi kesan sepanjang hayat mereka.

5.2 Ayat 2: Kompentensi Profesional

Kalimah ‘allamal quran dalam ayat kedua menjelaskan berkaitan salah satu tanda kasih sayang Allah iaitu dengan diajarkan al Quran. Tri Wati (2016) menjelaskan dalam kajiannya bahawa nikmat Allah mengajarkan al-Qur'an kepada Nabi Muhammad SAW merupakan nikmat yang paling besar manfaatnya. Al-Quran juga merupakan penyebab kepada seluruh umat mendapat petunjuk dan keluar daripada kegelapan. Ianya merupakan garis panduan dalam segala aspek kehidupan.

Dari aspek pendidikan, ayat kedua ini menerangkan berkaitan tugas utama yang perlu diakukan oleh pendidik iaitu transfer of knowledge atau melaksanakan pengajaran (Saniyat 2013). Syarat utama untuk menjadi pendidik ialah perlu menguasai ilmu pengetahuan dan berpengetahuan luas mengenai ilmu yang diajar. Penguasaan pendidik terhadap ilmu yang akan disampaikan akan mempengaruhi penerimaan anak didik (Tri Wati 2016). Segala ilmu yang disampaikan oleh guru mestilah berteraskan al-Qur'an dan sunnah.

Penguasaan terhadap ilmu al-Qur'an diterjemahkan dengan ilmu pengetahuan dalam profesional. Dalam konteks ini, ia merupakan salah satu komponen utama yang terdapat dalam kompetensi pendidik iaitu kompetensi profesional. Salwa Azwani & Aziah (2020) berpandangan, seseorang guru perlu bersedia serta cekap dalam menyampaikan bahan pengajaran dalam kelas. Oleh itu, pengetahuan dan kompetensi guru terhadap penguasaan isi kandungan kurikulum merupakan perkara penting bagi mengukuhkan kefahaman konseptual murid. Ianya merupakan tugas utama seorang guru yang perlu kreatif untuk mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran supaya kandungan pengajaran dapat disampaikan dengan baik. Sebelum menyampaikan isi pembelajaran kepada pelajar, guru atau pendidik itu sendiri perlu menguasai apa yang akan disampaikan (Abd. Shukor Abu Bakar 2018).

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan garis panduan yang lengkap berkaitan kompetensi berkaitan komponen ilmu pengetahuan. Pendidik patut memiliki dan menguasai ilmu pengetahuan yang mantap dalam bidang keguruan dan pendidikan. Pendidik yang menguasai ilmu yang mantap dapat meningkatkan kuasa profesional, melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan serta menjadi lebih kreatif dan inovatif (KPM 2009).

Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj (2016) menjelaskan bahawa pendidik yang kompeten perlu mempunyai pengetahuan yang profesional kearah memaksimumkan kemampuan mereka untuk meningkatkan hasil pembelajaran pelajar. Pengetahuan tentang pelajar, kurikulum, mata pelajaran pedagogi, ilmu teknologi maklumat juga sangat penting untuk membolehkan pendidik bertindak balas terhadap perubahan keperluan pelajar.

Kepentingan persiapan diri terhadap ilmu pengetahuan dalam kalangan pendidik amat jelas berdasarkan hadis Rasulullah SAW yang menegaskan bahawa, orang yang menunjukkan suatu kebaikan kepada seseorang seperti mengajarkan ilmu, maka dia juga akan memperoleh pahala seperti mana pahala orang yang diajarkan. Daripada Abu Mas'ud Uqbah bin Amir al-Ansari, Rasulullah SAW bersabda (al Tirmizi 41: 2671):

مَنْ ذَلَّ عَلَىٰ حَيْرٍ فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ

Maksudnya: “Barangsiapa yang menunjukkan kepada kebaikan maka dia akan mendapat pahala sepetimana pahala orang yang mengerjakannya.” Riwayat Muslim (1893)

Ini menunjukkan bahwa seorang guru harus terlebih dahulu mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang lengkap terutamanya dalam bidang mata pelajaran yang diajar bagi mencapai matlamat akhir iaitu kemenjadian murid sejajar dengan inspirasi negara dalam melahirkan generasi cemerlang berlandaska al-Quran dan sunnah.

5.3 Ayat 3: Kompetensi Pedagogi.

Manusia merupakan landasan kepada nikmat-nikmat yang lain yang disebut dalam surah ar-Rahman. Wati (2016) menyatakan manusia merupakan makhluk yang paling mulia dalam penciptaan-Nya dari sudut fizikal dan potensi yang dimiliki berbanding makhluk lain. Antara keistimewaan dan potensinya adalah fitrah beragama dan keperluan kepada ilmu untuk mengenal Allah. Dengan potensi yang dimiliki inilah, manusia dijadikan khalifah untuk menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh Allah. Keistimewaan penciptaan manusia jelas dalam firman Allah Taala (al Tin: 95: 4):

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

Dalam ayat ini, Allah SWT menegaskan bahawa manusia merupakan sebaik-baik ciptaan berbanding makhluk-makhluk lain di muka bumi ini. Khalaqal insan dalam ayat ketiga surah ar-Rahman bermaksud nikmat diciptakan manusia. Ianya merupakan tujuan utama pendidikan iaitu membentuk manusia mengembangkan potensi dari aspek rohani dan jasmani seterusnya membentuk insan yang berakhhlak mulia. Sholikhatul Arifah (2016) menyatakan, dengan adanya potensi yang ada dalam diri manusia, maka Allah menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi kerana dengan kelebihan tersebut manusia dapat menjalankan tugas dan tanggung jawab yang telah diamanahkan kepadanya (Abd. Rozak 2018).

Elemen pendidikan yang jelas dalam ayat ini ialah tugas pendidik dalam mengembangkan potensi diri pelajar dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Malaysia (FPK). Menurut Noriati et al. (2012) yang menganalisa FPK, usaha perlu dijalankan bagi mencungkil, memupuk, memperkembangkan dan meningkatkan bakat serta keupayaan individu yang seimbang dan harmonis dari aspek ilmu pengetahuan, berakhhlak mulia, kepercayaan dan keyakinan yang teguh kepada Tuhan serta kesihatan fizikal yang mampu membentuk kerjasama dalam hubungan sosial. Sholikhatul Arifah (2016) turut membuat kesimpulan bahawa tujuan yang ingin dicapai dalam ayat ketiga surah ar-Rahman adalah bagi mengembangkan potensi pelajar menjadi anak didik yang berilmu, berbudi pekerti luhur dan menjadi insan kamil. Matlamat ini terkandung dalam kompetensi pedagogi pendidik. Antara ciri-ciri seorang guru yang sentiasa berusaha untuk kemenjadian pelajar ialah penguasaan terhadap ilmu (Mulyadi Hermanti 2018). Hal ini disebut dalam hadis yang diriwayatkan daripada Saiditina Aisyah (Sunan Abi Daud: 3 :359):

إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَكُنْ يَسِّرُ الْحَدِيثَ مُثْلُ سُرْدَكَمْ .

Maksudnya: Sesungguhnya Rasulullah SAW dalam berbicara tidak tergesa-gesa (hingga susah dipahami) seperti pembicaraan kalian.

Berdasarkan hadis di atas, penguasaan kemahiran komunikasi sangat dititik beratkan dalam penyampaian ilmu. Jelaslah bahawa tugas pendidik bukan hanya mengembangkan potensi pelajar dari aspek intelektual dan kemahiran semata-mata. Peranan pendidik yang lebih penting ialah mendidik pelajar dekat kepada Allah SWT walaupun kepakaran mereka dalam apa jua bidang. Ayat 3 surah ar Rahman juga bertujuan bagi membentuk dan pelajar menjadi insan yang sempurna dari segi penguasaan ilmu dan seterusnya digambarkan melalui tingkah laku atau akhlak mulia (Sholikhatul Arifah 2016).

Oleh itu, bagi mengembangkan pemikiran, guru perlu memiliki kompetensi pedagogi dengan menguasai pengetahuan formal dan mahir secara praktikal, menambahkan ilmu baharu sesuai dengan peredaran zaman serta hendaklah sentiasa menyediakan ruang yang cukup dan seimbang dari pelbagai segi kemahiran dan teori bagi membantu mengembangkan daya intelek pelajar.

5.4 Ayat 4: Kompetensi Sosial

Kalimah ‘allamahul Bayan dalam ayat yang keempat menjelaskan berkaitan nikmat Allah yang seterusnya iaitu nikmat diajarkan sehingga mampu bercakap atau berkata-kata. Kemampuan bercakap ini merupakan potensi yang tidak dikurniakan dan yang membezakan antara manusia dan makhluk lain (Roffi’ah et al. 2016). Ada pandangan yang mengatakan al-bayan diterjemahkan sebagai kemampuan berfikir dan berkomunikasi dengan orang lain.

Apabila dilihat dari sudut pendidikan, al-bayan merupakan kemampuan untuk menterjemahkan apa yang ada di dalam pemikiran dan terlintas dalam hati seterusnya disampaikan kepada orang lain. Ini merupakan kompetensi sosial yang mana guru perlu berupaya menyampaikan ilmu kepada pelajar melalui kemahiran komunikasi dalam proses menyampaikan isi pelajaran, ianya mesti disampaikan dengan jelas dan memberi kefahaman kepada pelajar (Sholikhatul Arifah 2016).

Dari Anas dari Nabi s.a.w bersabda (al-Bukhari 3: 95):

عَنْ أَنَسِيْ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ كَانَ إِذَا سَلَّمَ سَلَّمَ ثَلَاثًا وَإِذَا تَكَلَّمَ بِكَلِمَةٍ أَعَادَهَا ثَلَاث

Maksudnya: Waktu Nabi SAW memberikan salam, diucapkannya tiga kali dan bila berbicara dengan satu kalimat diulangnya tiga kali.

Hadis ini menunjukkan Rasulullah SAW mengulang sebanyak tiga kali sesuatu yang penting dan bertujuan agar ia dapat difahami. Ia merupakan contoh tauladan cara Rasulullah SAW menyampaikan ilmu supaya sampai maksud dan difahami oleh para sahabat. Begitu juga dengan pendidik yang seharusnya menguasai kompetensi sosial dengan cara penyampaian yang terbaik bagi memastikan objektif pembelajaran tercapai dan mampu meninggalkan kesan kepada diri dan kehidupan seharian pelajar.

6. KESIMPULAN

Dari pada perbincangan diatas, dapat dirumuskan ayat 1 hingga 4 surah ar-Rahman dalam konteks seorang pendidik Muslim yang perlu memiliki sifat kasih sayang terhadap pelajar yang merupakan kompetensi peribadi. Rasulullah SAW merupakan suri tauladan terbaik dalam menyampaikan

pengajaran kepada ilmu, malah meninggalkan kesan yang sangat mendalam sehingga keberkatannya dapat dirasai hingga ke hari ini.

Seorang pendidik juga perlu menguasai ilmu pengetahuan berkaitan pembelajaran. Ianya termasuk dalam kompetensi profesional bagi memartabatkan profesion keguruan bukan hanya pada pandangan masyarakat tetapi berlandaskan matlamat akhir untuk mendapat keredhaan daripada Allah SWT. Tugasan membimbing pelajar dan mengembangkan potensinya yang terkandung dalam kompetensi pedagogi seharusnya menjadi agenda utama bagi setiap pendidik. Disamping itu, pendidik yang terbaik mesti memiliki kemampuan berkomunikasi dengan efektif yang merupakan kompetensi sosial bagi seorang pendidik. Hubungan sosial seorang pendidik bukan hanya terhad antara pendidik dan murid sahaja, malah hubungan sosial sesama guru, ibu bapa, serta komuniti setempat juga perlu dijalankan. Maka jelaslah bahawa seorang pendidik yang cemerlang perlu melengkapkan diri dengan kompetensi peribadi serta kompetensi terhadap ilmu dan kemahiran sejajar dengan perkembangan semasa.

RUJUKAN

Al Quran

Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir pimpinan ar-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Ahmad Sonhadji. 2017. *Tafsir Al Quran di Radio Juz 27*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Abd. Rozak. 2018. Al-Quran, Hadis, dan Ijtihad Sebagai Sumber Pendidikan Islam. *Fikrah: Journal of Islamic Education* 2(2): 85–101.

Abd. Shukor Abu Bakar. 2018. Pendidikan Dalam Al-Qur'an Kajian Pada QS. Al-Rahman 1-4. *Inspiratif Pendidikan* 7(2): 281–292.

Daud, I. 2013. Pemikiran Muhammad Abdurrahman Tentang Al-Qur'an Tafsir. *Jurnal Farabi* 10(1): 15–34.

Khuzaimah Zaaim & Mohamed Yusoff Mohd Nor Shahlan Surat. 2019. Tahap Kompetensi Guru (PdPc) SKPMg2 Dan Tahap Kemenjadian Murid (Level Of Teacher's Competency Element (SKPMg2). *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 2: 51–62.

Hamka. 2019. *Tafsir Al-Azhar (Tafsir Sirah al Waqiah dan Juz 27)*. Selangor: PTS Publishing House.

Ma'ruf, M. "Konsep Kompetensi Guru Perspektif Al-Quran (Kajian Tafsir Surat Al Qalam Ayat 1-4)". *Jurnal Al-Murabbi* 3, no.1: 13-30

Mohd Paris Saleh & Saedah Siraj. 2016. JuKu. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* Bil. 4(4): 12–24.

Mufrida Zahra, Andy Hadiyanto & Siregar Khairil Ihsan. 2020. Karakteristik Pendidik Rahmani dalam Surah ar-Rahman. *Jurnal Online Studi Al-Qur'an* 16(1): 89–100.

Muhammad Irwansyah Melda Diana Nsution Afrida. 2019. Urgensi Kompetensi Kepribadian Guru Dalam Sistem Pendidikan Perspektif Hadits Nabawi. *Tarbiyah: Jurnal Ilmiah Pendidikan Agama Islam*. 9(2):13-28.

Mulyadi Hermanti. 2018. Hubungan Guru Dan Murid Menurut Hadis. *Al-Muaddib : Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial & Keislaman* 3(2): 329–350.

Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar, Norshahrul Marzuki Mohd Nor. 2016. Keperluan Profesional Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. J. & Vol, I. 3(3): 85–

109.

- Rof'i'ah, N.S., Wati, T.R.I., Abd. Shukor Abu Bakar, Sholikhatul Arifah, Yuliani, L., Alghozal, S., Mufrida Zahra, Andy Hadiyanto, Siregar Khairil Ihsan & Belakang, L. 2016. Tafsir Al-Qur'an Surah Ar-Rahman Ayat 1-4 Dalam Perspektif Pendidikan Islam. *Jurnal Online Studi Al-Qur'an*. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (Stain) Curup.
- Siraj, S., & Ibrahim, M. S. (2012). Standard Kompetensi Guru Malaysia. In Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTS 2012 (pp. 1-44). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Salwa Azwani Aziah. 2020. Komuniti Pembelajaran Profesional di Malaysia : Amalan dan Pengaruhnya Terhadap Kompetensi Guru Dalam Pendidikan Abad ke-21 di Sekolah Rendah. *Journal of Educational Research & Indigenous Studies*. 2(1): 1-19.
- Saniyat, N. 2013. Konsep Pendidik Menurut Al- Qur'an Surah Ar Rahman Ayat 1-4. Fakulti Tarbiyah dan Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Walisongo. Samarang.
- Sholikhatul Arifah. 2016. Karakteristik Pendidik (Telaah Al- Qur'an Surah Ar-Rahman Ayat 1-4). Institut Agama Islam Negeri Salatiga.
- Tri Wati. 2016. Tafsir Al-Qur'an Surah Ar-Rahman Ayat 1-4 Dalam Perspektif Pendidikan Islam. Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri (Stain) Curup.
- Wahbah Zuhaily. 1998. *Tafsir Al Munir*. Jilid 27. Damsyik: Dar Fikr.

Norzi Mohd Yusoff (Corresponding Author)
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: p109366@siswa.edu.ukm.my

Khadijah Abdul Razak
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor
Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

Adnan Derahan
Politeknik Merlimau
Karung Berkunci 1031 Pejabat Pos,
77300, Melaka
Email: adnan@pmm.edu.my